

# KUIS warnai kehidupan remaja dengan ilmu

**K**EPENTINGAN ilmu dalam kehidupan adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan terutama dalam usaha melahirkan insan berilmu dan berinformasi khususnya para remaja yang bakal mengisi kepemimpinan negara pada masa depan.

Ini kerana menuntut ilmu bertujuan menghasilkan perubahan positif kepada pembentukan pemikiran dan tindakan seseorang yang membolehkannya berfungsi dengan sempurna dalam masyarakat atau ruang lingkup kegiatannya sama ada di alam persekitaran, pekerjaan, rumah tangga atau sebagainya.


Semangat cintakan ilmu merupakan momentum penting ke arah memahami eti hidup yang sebenar. Setiap ilmu yang dipelajari wajar ditafsir dan difikirkan mengikut kaca mata ilmiah yang betul. Kesanggupan berilah sebenarnya merupakan penghasilan ke arah pemahaman intelektual, kepemimpinan, berkesan dan memperlengkapan manusia dengan ilmu pengetahuan.

Keutamaan menuntut ilmu juga adalah satu ibadah dan Allah akan mengangkat darjat orang yang berilmu seperti mana firmanNya, "Allah akan meninggikan orang yang beriman di antaramu dan orang berilmu beberapa darjat." (Al Mujaddalah: 11).

Ilmu juga adalah jalan menuju syurga seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW, "Barang siapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu maka Allah akan mempermudahkan jalannya menuju syurga." (HR. Muslim).

Oleh itu, membina kesedaran tentang kepentingan memupuk budaya ilmu dalam kehidupan remaja perlu dilakukan dengan pelbagai cara dan kaedah yang sesuai dan sezaman dengan remaja masa kini.

Bangsa yang tidak berilmu adalah bangsa yang mundur, statik dan jumit corak pemikirannya begitu juga dengan remaja yang tidak berilmu adalah remaja yang tidak menyumbang apa-apa, baik untuk



GOLONGAN remaja merupakan aset negara yang amat berharga dan menjadi pelapis generasi pada masa depan.

diri sendiri, keluarga, masyarakat maupun negara. Bagi mengelakkannya dari daripada menjadi statik dan merugikan orang lain, maka para remaja mesti meletakkan ilmu sebagai asas keutamaan hidup.

Di Malaysia, peluang dan ruang untuk menuntut ilmu di peringkat rendah sehingga yang tertinggi terlalu banyak dan terlalu luas. Kelayakan untuk melanjutkan pengajian bukan hanya di universiti awam sahaja tetapi kita juga boleh memilih untuk melanjutkan pengajian di universiti swasta contohnya seperti di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang memberi peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pokoknya tiada alasan untuk remaja tidak meneruskan pengajian.

KUIS sentiasa komited untuk menjadi

pusat pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta pusat penyelidikan terbaik yang menekankan Islam sebagai cara hidup.

Oleh itu, kolej tersebut telah menyediakan program pengajaran yang dapat menyumbang kepada pembangunan insan berlandaskan budaya ilmu dalam membentuk satu pola pemikiran yang positif dan kreatif.


KUIS menawarkan program akademik yang menyeluruh, daripada peringkat Asasi sehingga hingga Doktor Falsafah. Antara program akademik yang ditawarkan ialah pengajian Islam, pengurusan dan perniagaan, ekonomi dan kewangan Islam, pengajian bahasa, komunikasi, teknologi maklumat, multimedia dan pendidikan.

Pembentukan peribadi yang baik hasil daripada penghayatan ilmu yang dipelajari dan disosong dengan suasana persekitaran yang baik dapat membantu pembentukan sahsiah yang hebat dan cemerlang.

Meletakkan institusi masjid sebagai nadi dan paksi kehidupan dan pembangunan pelajar dalam pembinaan rohani yang holistik sesuai adalah antara usaha KUIS dalam melahirkan insan yang menelepas sifat-sifat Da'i, Ulama dan Umarah serta berkebolehan memimpin masyarakat Islam (Ummah) dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam.

Tuntasnya, remaja merupakan aset negara yang amat berharga dan menjadi pelapis generasi pada masa depan. Oleh itu, remaja haruslah diberi perhatian dan diwajai dengan ilmu pengetahuan supaya mereka menjadi remaja dinamik, berwawasan dan berjiwa besar.

Sebuah pihak haruslah berusaha supaya negara kita dapat melahirkan lebih ramai remaja yang berilmu dan berwawasan mampu memimpin negara. Sesungguhnya wajah negara pada masa akan datang adalah wajah generasi mudanya hari ini.



MATLAMAT KUIS adalah untuk melahirkan insan yang menelepas sifat-sifat Da'i, Ulama dan Umarah.